

27 MAY 1998

Mahathir-belia

WUJUDKAN NILAI BARU UNTUK TAMADUN DUNIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata nilai-nilai baru bagi tamadun dunia baru perlu diketengahkan dalam usaha untuk mencapai peningkatan kualiti hidup.

Untuk itu, beliau berkata satu generasi pemimpin berwawasan yang berwibawa perlu dilahirkan untuk memimpin dunia.

"Belia hari ini perlu lengkapkan diri dengan segala pengetahuan dan kemahiran berfikir agar mereka dapat menilai, menerima atau menolak nilai-nilai dan konsep sedia ada dan melahirkan nilai-nilai baru yang lebih relevan dengan era informasi yang kita tujui," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel di sini. Teks ucapan beliau dibaca oleh Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dr Mahathir berkata yang lama mungkin tidak lagi sesuai, tetapi yang baru mungkin juga bahaya sekiranya tidak berhati-hati dan pilihan dibuat berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman yang cetek.

Dr Mahathir juga berkata belia hari ini menghadapi pelbagai cabaran yang tidak pernah diduga dan justeru itu mereka perlu memajukan diri untuk menangannya.

Katanya, masyarakat dan kerajaan kini tidak lagi berupaya untuk melindungi dan membentuk generasi akan datang.

Beliau melahirkan harapan agar mesyuarat itu dapat menyumbang ke arah keamanan dan kestabilan dunia dan menyekat yang lemah dieksploitasi hingga membawa kepada ketegangan dan perpecahan.

Sementara itu Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeke Anyaoku berkata Universiti Putra Malaysia menjadi universiti pertama daripada 16 institusi pengajian tinggi di Komanwel yang akan mengadakan pengajian peringkat diploma Kajian Pembangunan Belia.

Mengenai perkembangan lain, beliau berkata satu kumpulan pakar Komanwel sedang dibentuk bagi menjalankan kajian bagaimana negara-negara dapat dilindungi daripada kesan ketidakstabilan pergerakan pasaran modal.

Dipengerusikan oleh bekas Menteri Kewangan Afrika Selatan, kumpulan mengandungi 10 pakar ekonomi termasuk pegawai kanan Bank Negara Malaysia Dr Zeti Akhtar Aziz akan memulakan tugas mereka di London bulan depan.

-- BERNAMA

MAM oba